

Faktor-faktor yang Memacu Sikap Masyarakat Terhadap Teknik Penyemburan Kabut dalam Mencegah Denggi di Lembah Klang

Noor Sharizad Rusly^a (P79480), Ahmad Firdhaus Arham^a dan Latifah Amin^b

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bPusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: dazirahs@yahoo.com.sg

Pernyataan Masalah: Denggi adalah penyakit endemik bawaan nyamuk yang semakin serius. Difahamkan lebih kurang 55% daripada jumlah populasi dunia adalah berisiko untuk mendapat penyakit ini dengan jumlah kes melebihi 100 juta setiap tahun. Malaysia tidak terkecuali daripada menghadapi isu berkaitan denggi kerana kedudukan geografi beriklim tropika. Masih tiada lagi rawatan yang tertentu bagi merawat penyakit denggi ini dan penghasilan vaksin bagi menentang penyakit ini masih di peringkat kajian. Memandangkan denggi ini disebabkan oleh gigitan nyamuk *Aedes* yang mengandungi virus denggi yang dikenali DEN 1, 2, 3 dan 4, maka cara yang utama untuk mencegah penyebaran penyakit ini adalah dengan menghapuskan vektor atau pembawa penyakit ini iaitu nyamuk *Aedes aegypti* dan *Aedes albopictus*. Justeru, terdapat pelbagai teknik dan cara yang telah dikenalpasti bagi menghapuskan vektor ini.

Objektif: Artikel ini menilai dan mengenalpasti faktor-faktor yang memacu sikap masyarakat Malaysia di Lembah Klang terhadap teknik penyemburan kabut untuk mencegah penyebaran penyakit denggi.

Metodologi: Kaji selidik ini telah dijalankan ke atas 126 responden di Lembah Klang mengikut kumpulan yang telah ditetapkan. Proses pengedaran soal selidik dilakukan secara bersua muka.

Hasil: Terdapat lima faktor yang telah dikenalpasti bagi memacu sikap masyarakat terhadap aplikasi pencegahan denggi: faedah yang dilihat (5.21); risiko yang dilihat (4.77); galakan (4.04); tingkah laku berniat (5.87); dan impak terhadap teknologi (4.47). Kesemua faktor ini menunjukkan nilai skor min di sekitar julat sederhana dan tinggi.

Kesimpulan: Berdasarkan hasil kajian tersebut dapat dirumuskan di sini bahawa masyarakat Malaysia mempunyai sikap yang positif dan kesedaran yang tinggi dalam teknik penyemburan kabut dalam menghapuskan nyamuk *Aedes* dan secara tidak langsung mengurangkan penyebaran denggi.